

Elak kerjasama yang menimbulkan sangsi di antara partia- PM

UM 3 JUL 1989

KUALA LUMPUR 30 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan anggota-anggota komponen Barisan Nasional (BN) supaya mengelakkan sebarang bentuk kerjasama yang boleh menimbulkan rasa sangsi di kalangan parti-parti komponen yang lain dalam usaha mereka untuk memupuk kerjasama sesama sendiri.

Perdana Menteri sebaliknya mahukan mereka mengutamakan kerjasama secara menyeluruh di peringkat RN kerana ia merupakan cara yang paling sesuai untuk mengatasi apa juga masalah dalam mentadbir dan membangunkan negara.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Ke-36 MCA di Wisma MCA di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kebelakangan ini ada beberapa pemimpin parti kurang senang dengan keputusan dua tiga parti komponen, yang mengadakan sejenis kerjasama di peringkat kedua antara mereka.

Katanya, BN tidak menghalang mana-mana pihak dari kalangan komponennya yang ingin bekerjasama sesama sendiri ke-

Oleh
**Badrol Hisham Aziz
dan Hassan Mohd. Noor**

rana "mungkin juga kerjasama itu akan membawa manfaat kepada BN keseluruhannya."

"Bagaimanapun, apa yang diharapkan ialah sekiranya kerjasama itu membawa rasa sangsi di kalangan parti-parti komponen yang lain, pihak yang terlibat haruslah cuba mengelakkan timbulnya perasaan tersebut dengan mengutamakan kerjasama di peringkat BN," tegas beliau.

Apa yang perlu, tambah beliau, ialah mempertingkatkan kerjasama yang menyeluruh dalam BN seperti yang telah wujud sekian lama.

Datuk Sri Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN juga menegaskan bahawa BN berpuas hati dengan pencapaiannya dalam pilihanraya-pilihanraya kecil yang diadakan sejak akhir tahun lalu walaupun tidak memenangi semua kerusi.

Beliau berkata, BN tidak semestinya me-

menangi kesemua pilihanraya kecil, kerana apa yang diperlukan ialah kemenangan dalam kebanyakan pilihanraya tersebut.

"Pencapaian Barisan Nasional dalam pilihanraya-pilihanraya kecil ini adalah memuaskan," katanya sambil merujuk kepada konsep muafakat dan kerjasama dalam BN yang cukup jelas tergambar dalam setiap pilihanraya kecil.

Pilihanraya-pilihanraya kecil yang diadakan selepas pilihanraya umum 1986 ialah Gopeng (Parlimen), Tanjung Puteri (Dewan Negeri), Johor Baharu (Parlimen), Parit Raja (Dewan Negeri), Ampang Jaya (Parli-

men), Bentong (Parlimen) dan Teluk Pasu (Dewan Negeri). MC4 memenangi kerusi Gopeng, Ampang Jaya dan Bentong.

Perdana Menteri juga Pengerusi Barisan Nasional memberitahu bahawa keputusan pilihanraya-pilihanraya berkenaan sekurang-kurangnya membuktikan tiga perkara iaitu pertamanya sokongan rakyat kepada BN adalah kuat, kedua, konsep muafakat BN berfungsi dengan baik dan ketiganya demokrasi tetap hidup.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri mengulangi kenyataannya bahawa demokrasi akan terus hidup di negara ini di bawah pemerintahan Barisan Nasional.

Katanya, dulu terdapat pihak-pihak yang menuduh kononnya demokrasi tidak wujud di negara ini, tetapi pilihanraya-pilihanraya kecil yang diadakan, serta keputusan-keputusannya membuktikan sebaliknya.

"Apabila pihak pembangkang memenangi pilihanraya kecil dan ia menggambarkan demokrasi masih hidup, orang-orang yang heboh mengatakan demokrasi telah mati, malu pula mengatakan demokrasi masih segar," kata Perdana Menteri.

Katanya, golongan tersebut hanya pandai mengelirukan sahaja.

"Bagaimanapun, rakyat ramai yang jarang bersuara (*silent majority*) yakin demokrasi telah dan akan terus hidup di bawah pemerintahan Barisan Nasional," tambah beliau.